



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SIKAP TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER  
DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN  
SEKOLAH DI KALANGAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH**

**MOHAMAD KHAIRUDDIN ABDULLAH**

**FPP 1999 63**

**SIKAP TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER  
DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN  
SEKOLAH DI KALANGAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH**

**MOHAMAD KHAIRUDDIN ABDULLAH**

**MASTER OF SCIENCE  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**MAC 1999**



**SIKAP TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGURUSAN DAN  
PENTADBIRAN SEKOLAH DI KALANGAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SABAH**

**Oleh**

**MOHAMAD KHAIRUDDIN ABDULLAH**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah  
Sarjan Sains Di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**



## PENGHARGAAN

**Assalamualaikum,**

Syukur saya kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya, kajian ini dapat disempurnakan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan idea, nasihat serta bimbingan yang telah diberikan oleh Penyelia saya Dr. Jegak Uli dalam menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada isteri tersayang kerana menanggung sebahagian besar tanggungjawab keluarga ketika saya mengikuti program pengajian jarak jauh ini. Sokongannya amat memberangsangkan serta mendorong diri saya untuk terus berjuang untuk menyiapkan program ini dengan berjaya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengembangan Pelajaran Jarak Jauh (IDEAL) kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sepejabat saya terutamanya Saudara Mohd. Noor Mahali, Abdul Halim, Kak Mel dan Jefferydin di atas segala bantuan dan dorongan mereka dalam menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, buat isteri tersayang Saria Bte Tahir, Mohamad Huzaini, Mohd Hafiz, Nur Fazira dan Nur Fazrina, kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama. Terima kasih atas dorongan dan pengorbanan kalian.

Wassalam.



## ISI KANDUNGAN

|  | <b>Muka surat</b> |
|--|-------------------|
| PENGHARGAAN .....                          | ii                |
| SENARAI JADUAL .....                       | vi                |
| SENARAI RAJAH .....                        | x                 |
| SENARAI SINGKATAN .....                    | xi                |
| ABSTRAK .....                              | xii               |
| ABSTRACT .....                             | xiii              |
| <br>                                       |                   |
| <b>BAB</b>                                 |                   |
| <b>I      PENGENALAN .....</b>             | <b>1</b>          |
| Pendahuluan .....                          | 1                 |
| Permasalahan Kajian .....                  | 7                 |
| Persoalan Kajian .....                     | 10                |
| Objektif Umum Kajian .....                 | 10                |
| Objektif Khusus Kajian .....               | 10                |
| Kepentingan Kajian .....                   | 11                |
| Skop Kajian .....                          | 11                |
| Batasan Kajian .....                       | 12                |
| Tugas Pengetua.....                        | 13                |
| Definasi Konsep Dan Peroperasian.....      | 14                |
| Definisi Penggunaan .....                  | 15                |
| Definisi Pengurusan .....                  | 16                |
| Definisi Pentadbiran Sekolah               |                   |
| Definisi Pengetua .....                    | 17                |
| Definisi Sikap .....                       | 18                |
| <br>                                       |                   |
| <b>II     KAJIAN LITERATURE .....</b>      | <b>20</b>         |
| Pendahuluan .....                          | 20                |
| Penyelidikan SMPP .....                    | 21                |
| Penggunaan Komputer Dalam Pendidikan ..... | 22                |
| Penggunaan Komputer di Sekolah .....       | 24                |
| Kajian Lepas Yang Berkaitan .....          | 26                |
| Kajian di Malaysia .....                   | 26                |



|            |   |           |
|------------|---|-----------|
| <b>III</b> | <b>METHODOLOGI KAJIAN .....</b>   | <b>36</b> |
|            | Pendahuluan .....   | 36        |
|            | Kerangka Koseptual .....  | 37        |
|            | Rekabentuk Kajian .....   | 38        |
|            | Prosedur Persampelan .....  | 38        |
|            | Rekabentuk Persampelan.....   | 39        |
|            | Rangka Sampel .....   | 39        |
|            | Lokasi Kajian .....   | 40        |
|            | Instrumen Penyelidikan .....  | 40        |
|            | Format Soal Selidik .....   | 41        |
|            | Kesahan Alat Penyelidikan .....   | 44        |
|            | Pengumpulan Data .....  | 44        |
|            | Cara Penganalisan Data.....   | 47        |
| <b>IV</b>  | <b>HASIL KAJIAN .....</b>   | <b>50</b> |
|            | Latarbelakang Responden .....   | 50        |
|            | Kemudahan Dan Penggunaan Komputer .....   | 52        |
|            | Penyertaan Kursus .....   | 54        |
|            | Sikap Pengetua Terhadap Penggunaan Komputer .....                                   | 60        |
|            | Hubungan Sikap Pengetua Dengan Beberapa<br>Pembolehubah .....                       | 64        |
|            | Tidak Bersandar Dan Hubungan Korelasi .....   |           |
|            | Dimensi Faktor sikap Pengetua Terhadap Penggunaan<br>Komputer Dalam Pengurusan..... | 84        |

|          |   |           |
|----------|---|-----------|
| <b>V</b> | <b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN .....</b>  | <b>87</b> |
|          | Ringkasan .....   | 87        |
|          | Latarbelakang Masalah .....   | 87        |
|          | Objektif Kajian .....   | 89        |
|          | Methodologi Kajian ....   | 90        |
|          | Penganalisan Data .....   | 91        |
|          | Penemuan & Perbandingan Hasil Kajian.....   | 92        |
|          | Latarbelakang Responden .....   | 92        |
|          | Rumusan Dan Perbincangan .....  | 93        |
|          | Analisis Sikap Responden .....  | 94        |
|          | Hubungan Sikap Responden Dengan Beberapa<br>Pembolehubah Tidak Bersandar Dan<br>Hubungan Korelasi ..... | 95        |
|          | Masalah Kemudahan Dan Penggunaan Komputer.....  | 99        |
|          | Implikasi Terhadap Pembangunan Sekolah<br>Bestari .....   | 100       |
|          | Cadangan .....  | 100       |
|          | Meningkatkan Tahap Penggunaan Komputer.....   | 100       |
|          | Kemudahan Fizikal Sekolah .....   | 101       |
|          | Pengwujudan Rangkaian Berkomputer<br>Tempatan .....   | 102       |
|          | IT dan Pengetua .....   | 103       |
|          | Usaha Proaktif .....  | 104       |
|          | Cadangan Untuk Kajian Akan Datang .....   | 105       |
|          | Penutup.....  | 107       |
|          | <b>BIBLIOGRAFI .....</b>  |           |
|          | <b>APENDIX .....</b>  |           |
|          | A. Soal Selidik Kajian .....  |           |
|          | B. Surat-Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian....   |           |
|          | C. Senarai Sekolah Negeri Sabah .....   |           |
|          | <b>VITA .....</b>   |           |

## SENARAI JADUAL

| Jadual   | Muka Surat |
|--|------------|
| 1 Kebolehpercayaan Pembolehubah Dalam Pra Ujian Dan Ujian Sebenar .....          | 46         |
| 2 Kadar Pemulangan Borang Soal Selidik .....                                     | 47         |
| 3 Taburan Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Latarbelakang Responden ..... | 51         |
| 4 Bilangan dan Peratus Responden Memegang Jawatan.....                           | 52         |
| 5 Bilangan dan Kekerapan Penggunaan Komputer .....                               | 53         |
| 6 Peratus Penggunaan Komputer Mengikut Lokasi Sekolah .....                      | 54         |
| 7 Peratus Penyertaan Kursus Mengikut Jawatan .....                               | 54         |
| 8 Peratus Responden Berminat Mengikuti Kursus Mengikut Lokasi .....              | 55         |
| 9 Sebab-Sebab Responden Minat Berkursus .....                                    | 56         |
| 10 Tujuan Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan Sekolah .....                     | 57         |
| 11 Cara Responden Meningkatkan Kemahiran Guna Komputer .....                     | 58         |
| 12 Faedah-Faedah Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan .....                      | 59         |
| 13 Masalah Dalam Penggunaan Komputer .....                                       | 60         |
| 14 Analisis Sikap Mengikut Item .....  | 62         |
| 15 Sikap Keseluruhan Pengetua Terhadap Penggunaan Komputer .....                 | 64         |



| <b>Jadual</b>  | <b>Muka Surat</b> |
|--|-------------------|
| 16 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Penggunaa Komputer<br>Jawatan.....                     | 66                |
| 17 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan<br>Jawatan .....                           | 67                |
| 18 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Akademik .....   | 68                |
| 19 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan Akademik<br>Sekolah .....                  | 68                |
| 20 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Gred Sekolah .....                                     | 70                |
| 21 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan<br>Gred Sekolah .....                      | 70                |
| 22 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Kekerapan<br>Guna Komputer .....                       | 72                |
| 23 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan<br>Kekerapan Guna Komputer.....            | 73                |
| 24 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Bilangan<br>Komputer .....                             | 74                |
| 25 Hubungan Keseluruhan sikap Pengetua Dengan<br>Bilangan Komputer.....                  | 75                |
| 26 Hubungan Persepsi Pengetua Dengan Pernah<br>Kursus .....                              | 76                |
| 27 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan<br>Penyertaan Kursus .....                 | 77                |
| 28 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Lama<br>Masa Memegang Jawatan .....                    | 78                |
| 29. Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan<br>Dengan Lama Masa Memegang Jawatan..... |                   |



| <b>Jadual</b>   | <b>Muka Surat</b> |
|---|-------------------|
| 30 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Kekerapan Berlatih.....             | 80                |
| 31 Hubungan Keseluruhan Sikap Pengetua Dengan Kekerapan Berlati ..... | 81                |
| 32 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Umur .....                          | 82                |
| 33 Hubungan Sikap Pengetua Dengan Lokasi .....                        | 83                |
| 34 Hubungan Keseluruhan Sikap dengan Lokasi .....                     | 84                |
| 35 Dimensi Faktor Sikap Pengetua Terhadap Penggunaan Komputer .....   | 85                |
| 36 Dimensi Faktor Sikap Dan Penjelasan .....                          | 86                |



## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b> |                           | <b>Muka Surat</b> |
|--------------|---------------------------|-------------------|
| 1            | Kerangka Konseptual ..... | 37                |



## SENARAI SINGKATAN

|         |   |  |
|---------|---|--|
| BPK     | : | Bahagian Perkhidmatan Komputer                   |
| BPPP    | : | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan |
| ERIC    | : | Educational Research Information Technology      |
| IT      | : | Information Technology                           |
| PPD     | : | Pegawai Pendidikan Daerah                        |
| JPN     | : | Jabatan Pendidikan Negeri                        |
| KPM     | : | Kementerian Pendidikan Malaysia                  |
| KPMNET: |   | Rangkaian Kementerian Pendidikan Malaysia        |
| MSC     | : | Multimedia Super Corridor                        |
| PIBG    | : | Persatuan Ibu Bapa dan Guru                      |
| PKG     | : | Pusat Kegiatan Guru                              |
| PBB     | : | Pegawai Pendidikan Bahagian                      |
| PPK     | : | Pusat Perkembangan Kurikulum                     |
| SMM     | : | Sistem Maklumat Murid                            |
| SMFS    | : | Sistem Maklumat Fizikal Sekolah                  |
| SMPP    | : | Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan            |

Abstrak Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Kepada Jabatan Pemajuan Profesional Dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Untuk Memenuhi Sebahagian Syarat Untuk Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

**SIKAP TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGURUSAN  
DAN PENTADBIRAN DI KALANGAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH  
MENENGAH DI NEGERI SABAH**

oleh

MOHAMAD KHAIRUDDIN ABDULLAH

Mac 1999

Penyelia : Jegak Uli, Ph.D.  
Fakulti : Jabatan Pemajuan Profesional Dan Pendidikan Lanjutan  
Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian tentang sikap penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran sekolah menengah di kalangan pengetua dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sama ada pengetua menggunakan komputer dalam tugas pentadbirannya di sekolah. Data-data yang dikumpulkan termasuk gred sekolah, bilangan komputer yang terdapat di sekolah, kekerapan responden menggunakan komputer dalam pentadbiran, minat responden untuk mengikuti kursus, kekerapan menggunakan komputer dalam pentadbiran dan faedah-faedah penggunaan komputer di sekolah.



Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan ditadbir melalui pos. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan cara kekerapan, min dan “cross tabulation” dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Penyelidik juga mengkaji tentang sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan dan pentadbiran dan melihat perhubungan antara sikap dengan umur, jawatan, jantina, pencapaian akademik, lokasi, gred sekolah, bilangan komputer yang terdapat di sekolah, kekerapan guna komputer dan kekerapan berlatih menggunakan komputer serta lama masa responden memegang jawatan. Ujian khi kuasa dua dijalankan untuk melihat hubungan sikap pengetua dengan beberapa pembolehubah tidak bersandar. Kaedah analisis faktor dijalankan untuk mengenalpasti dan menyusun beberapa dimensi faktor sikap pengetua daripada sejumlah faktor besar yang mana dapat menunjukkan hubungan dengan beberapa kumpulan faktor sikap yang saling berkaitan dengan sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ujian korelasi phi dijalankan untuk mengenalpasti hubungan korelasi antara pembolehubah tidak bersandar dengan sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Dapatan ujian khi kuasa dua pula menunjukkan bahawa beberapa pembolehubah tidak bersandar mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah.

Sikap pengetua terhadap penggunaan komputer mempunyai pertalian signifikan yang sederhana kuat dengan lokasi sekolah kerana nilai  $p < 0.05$  iaitu 0.047 dengan nilai  $\phi = 0.32$ . Bilangan komputer yang terdapat di sekolah juga mempunyai hubungan signifikan dengan sikap pengetua kerana nilai  $p < 0.05$  iaitu 0.0005 dengan hubungan korelasi yang kuat (nilai  $\phi = 0.52$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah mempunyai pertalian yang signifikan dengan faktor penyertaan kursus kerana nilai  $p < 0.05$  iaitu 0.009 dengan hubungan korelasi yang sederhana. Kekerapan berlatih dan kekerapan menggunakan komputer mempunyai pertalian yang signifikan yang kuat dengan sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ini adalah berdasarkan nilai  $p$  yang diperolehi bagi pembolehubah tidak bersandar ini adalah lebih kecil iaitu 0.0005 dengan nilai  $\phi = 0.52$ . Namun, pembolehubah seperti kelulusan akademik, umur responden, lama masa memegang jawatan dan gred sekolah tidak mempunyai hubungan signifikan dengan sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah.

Melalui analisis faktor, dapatan kajian menunjukkan bahawa lima dimensi faktor utama telah dirumuskan sebagai dimensi faktor sikap pengetua terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah. Dimensi faktor tersebut ialah:

- a) dimensi faktor pengurusan
- b) dimensi faktor kepuasan kerja
- c) dimensi faktor pentadbiran
- d) dimensi faktor kurikulum dan
- e) dimensi faktor kualiti kerja

Akhir sekali, berdasarkan dapatan kajian ini beberapa cadangan disyorkan kepada pihak yang berkenaan untuk memberi perhatian dan mengambil tindakan pada masa akan datang.

- 1) Meningkatkan tahap penggunaan komputer dengan menambahkan bilangan komputer di semua sekolah menengah di Sabah.
- 2) Kemudahan fizikal sekolah di luar bandar di pertingkatkan.
- 3) Mewujudkan Sistem Rangkaian Berkomputer Termpatan (Local Area Network).
- 4) Perbanyakkan sesi latihan dan pendedahan yang sistematik dan 'hand-on'.
- 5) Usaha proaktif diambil untuk mempelbagaikan penguasaan kemahiran IT.



- 6) Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar kajian-kajian seterusnya dilaksanakan oleh pengkaji pada masa akan datang, dari segi penilaian kecekapan IT dan keberkesanan penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran sekolah menengah.

Abstract of Research Project submitted to the Department of Professional Development and Continuing Education, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science (Human Resource Development).

**ATTITUDES TOWARDS THE USAGE OF COMPUTER IN SCHOOL  
MANAGEMENT AND ADMINISTRATION AMONG THE SCHOOL  
PRINCIPALS IN SABAH**

by

MOHAMAD KHAIRUDDIN ABDULLAH

Mac 1999

Penyelia : Jegak Uli, Ph. D.

Faculti : Department of Professional Development And Continuing Education  
Faculty of Education

This research on attitudes and the usage of computers among the Sabah secondary school principals is aimed to identify whether they are using computers in the school administration. The data collected among others include information regarding the number of courses attended, the nature of problems and facilities related to the usage of computers, the number of computers available, the frequent usage of computers in the school administration, the respondents interest in attending courses, and the benefits of computer usage in schools. This study was carried out



using a survey method and data collection was administered by post and to all the secondary school principals in Sabah. The data collected were then analysed using frequency, mean and cross tabulation methods. They were then presented in tables. The researcher was also interested in testing the respondents attitudes towards the usage of computer in school management and administration as well to see whether their attitude is related to gender, age, position in school, the number of computers, frequency of computer usage, length of service, academic achievements, location of the schools, schools grade and the frequent usage of computer in self-training. Factor analysis was used to identify the various underlying dimension or factors that identify relatively a small number of underlying dimension or factors that can be used to represent relationship among sets of many interrelated school principal's attitudes towards the usage of computer in the schools. Phi correlation tests were used to determine the relationship and its strength between the dependents and independents variables.

Chi-square tests also revealed that some of the principals' attitude has a significant relationship with few selected independent variables. The frequency of computer usage by respondents has a significant relationship with principals' attitudes towards the usage of computer in school management.



The school principal's attitude towards the usage of computer has a moderate significant relationship with the location of the school as the p value obtained is 0.047 which is less than the alpha level of 0.05. The number of computers also has a strong relationship (phi value = 0.52.) with the respondents attitudes as the value of p = 0.0005 which is very much less than 0.05. The findings also revealed that the principals' attitude also has a moderate significant relationship with the respondents participation in various computer courses as the value of p is 0.009 which is less than 0.05. The frequency of computer usage also has a strong significant relationship towards the principals' attitude as the p value is 0.0005 which is less than 0.05 and the phi value is 0.52. However, the academic qualifications, age of respondents and the grade of school are not related to the school principals' attitude towards the usage of computer in school administration.

Through factor analysis, the research findings revealed that, five underlying dimensions or factors which had been identified as the school principals underlying dimensions or factors towards the usage of computer in school management and administration. These dimensions or factors are:

- a) management factors
- b) factors relating to job satisfaction
- c) factors relating curriculum
- d) factors relating to quality of work



Finally, based on the findings of this study, the following suggestions were recommended to authorities concern in order for them to pay attention and to take appropriate action in future.

- 1) Increase the level of computer usage by increasing the number of computers in all the secondary schools in Sabah.
- 2) Upgrade the facilities and physical setting of rural schools.
- 3) Introduce Local Area Networking Computer system.
- 4) Increase the training sessions and systematic hand-on exposures.
- 5) Proactive efforts need to be taken to develop various IT skills.
- 6) Based on this study, it is suggested that further research on IT efficiency and its effectiveness in school management and administration is need to be carried out in future by other researchers.



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Latarbelakang**

Dalam zaman teknologi maklumat kini, pembangunan, perkembangan dan survival sesebuah organisasi yang berasaskan maklumat dalam menangani arus globalisasi amat bergantung kepada kecekapan dan kemahiran penggunaan IT (Information technology) di kalangan para pengurus. Penguasaan dan penggunaan teknologi maklumat dalam pelbagai aspek pengurusan organisasi atau institusi semakin bertambah penting kerana maklumat yang relevan, tepat dan kemas kini amat penting kerana penggunaan komputer meningkatkan keupayaan pengurus untuk bertindak dengan pantas dan berkesan, bagi menghadapi perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan, perdagangan dan pelaburan dunia.

Kelebihan dalam pengurusan maklumat merupakan penentu terpenting samada sesuatu organisasi, negara atau bangsa mempunyai kelebihan dalam saingan (competitive edge) pada abad ke 21. Pengurusan pendidikan menerusi sistem maklumat yang canggih dijangka dapat memainkan peranan utama dalam menangani permasalahan global dan sejagat dalam menuju era abad ke 21 yang serba mencabar. Oleh yang demikian pembangunan sumber manusia yang mampu menguasai dan mempelopori teknologi maklumat seawal mungkin dalam sistem pendidikan di kalangan guru-guru sekolah merupakan satu langkah yang tepat dan berpandangan jauh ke hadapan.

Menurut Cheah Liew Siong(1986) *“Dalam dunia pendidikan komputer telah lama digunakan meliputi beberapa bidang seperti pengurusan, pentadbiran, pembelajaran dan pengajaran serta pengajian melalui komputer.”*

Zahri Aziz (1992) *“pengenalan komputer dalam pengurusan pentadbiran pendidikan di semua peringkat pentadbiran pendidikan telah menimbulkan berbagai tindakbalas atau reaksi dan persepsi di kalangan pelbagai pihak terutama pengurus-pengurus pentadbiran pendidikan.”*

Drucker (1993), Davis dan Davidson (1991), Crawford (1991) dan lain-lain lagi menyebut tentang kepentingan teknologi maklumat dalam ekonomi abad ke 21. Suka tak suka, dunia yang kaya maklumat akan memperlihatkan keperluan untuk, serta memaksa sistem pendidikan awam amnya dan organisasi sekolah khususnya, mengatur strategi supaya memudahkan pelaksanaan pendekatan baru kepada pengajaran dan pembelajaran, serta pendekatan baru kepada pengurusan dan pentadbiran pendidikan yang diasaskan kepada teknologi maklumat.

Di dalam hubungan ini pengetua-pengetua sekolah menengah dan guru-guru mempunyai reaksi dan sikap yang berbeza terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah.

Penggunaan komputer dalam tugas-tugas pengurusan pentadbiran di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah pula adalah atas kesedaran dan inisiatif pihak pengurusan sekolah semata-mata. Sehingga kajian ini dibuat tiada arahan atau peraturan khusus yang mewajibkan penggunaan komputer dalam pengurusan

pentadbiran sekolah di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah. Dalam pada itu, komunikasi maklumat secara berkesan lagi tepat antara sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan di pusat bukan sahaja dijangka akan mempunyai kesan mentransformasi atau mengubah organisasi pendidikan, malah akan mempengaruhi hala tuju pembangunan serta peningkatan keberkesanan organisasi berkenaan. ( Ong Choon Sooi & Others, 1995)

Maka itu dalam dunia pendidikan hari ini peranan komputer dalam pengurusan sekolah tidak boleh dinafikan. Menurut Davis dan Botkin (1994:66) bahawa sekolah bagaikan syarikat-syarikat yang telah menjadi tua, *“Like many aging companies, schools are generally slow to perceive external threats and slower still to respond”*. Tahap keyakinan terhadap sistem pendidikan masa kini jelas kalau dikaji petikan ucapan “President of American Federation of Teachers (AFT), Shanker berkata bahawa *“If we run our bussiness the way we run our school we’d be bankrupt in forty-eight hours”* (Schosstein, 1989:289). Agak ramai penulis dan penyelidik pendidikan menyifatkan organisasi sekolah sebagai” organized chaos;” dan Campbell (1983:9) memetik March (1978) sebagai mengatakan organisasi sekolah bagaikan organized anarchies. Pandangan ini adalah bertentangan dengan idea bahawa aktiviti-aktiviti sekolah adalah tersusun dan program pendidikan dilaksanakan secara tersusun. Itulah tahap keyakinan yang dinyatakan oleh orang ramai terhadap pentadbir dan pengurus organisasi sekolah di barat. Persoalannya ialah bila bagaimanakah peranan teknologi maklumat dan penggunaan komputer



dalam pengurusan dan pentadbiran boleh diuruskan untuk menikmati kecemerlangan pengurusan dan pentadbiran pendidikan serta menyelesaikan masalah yang berkaitan dengannya.

Ismail Adnan (1995) pernah menyebut *“kini Malaysia belum mempunyai dasar komputer negara memandangkan komputer memainkan peranan penting dalam usaha memodenkan sistem pentadbiran dan pengurusan, satu dasar komputer negara perlu diwujudkan dengan segera.”*

Namun dalam usaha merealisasikan falsafah pendidikan dan wawasan 2020, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan piagam pelanggannya untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan di semua peringkat kementerian dari segi perkhidmatan, daya pengeluaran dan kualiti tenaga kerja. Salah satu langkah ialah melalui program meningkatkan kemahiran pengurusan teknologi maklumat di mana peluang dan insentif disediakan untuk membentuk satu kumpulan pakar pengurus teknologi maklumat.

Walaupun penerapan teknologi maklumat telah dilaksanakan secara menyeluruh dalam industri perkhidmatan seperti bank, dan juga perniagaan seperti jualan, pengurusan pendidikan masih berada pada tahap penerapan teknologi maklumat dalam konteks mekanisasi proses sahaja. Tumpuan pembinaan sekolah Bistari sedang giat dilaksanakan di sekolah-sekolah di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan di beberapa buah negeri. Penerapan dan pengurusan